



SIARAN MEDIA KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA

PENGECCUALIAN CUKAI SST BAGI PEMBELIAN BAS SIAP PEMASANGAN TEMPATAN (*LOCALLY ASSEMBLED COMPLETED BUS*)

Kementerian Kewangan telah mempertimbangkan rayuan Persatuan Pengusaha Bas dan telah mengambil keputusan untuk memberi pengecualian cukai SST bagi pembelian bas siap pemasangan tempatan (*locally assembled completed bus*) kepada pengusaha bas yang mempunyai kelulusan permit yang sah. Ini akan menjimatkan pengusaha bas daripada bebanan cukai SST pada kadar 10% untuk setiap bas yang berharga antara RM250,000 ke RM900,000.

Setakat hari ini, terdapat 115 buah bas yang telah siap dipasang dan 360 buah bas separuh siap yang belum dikeluarkan daripada kilang pemasangan tempatan. Pengusaha bas perlu bergantung kepada bas yang baharu untuk memberi perkhidmatan yang selesa dan selamat kepada orang ramai terutamanya pelajar-pelajar sekolah dan golongan yang berpendapatan rendah.

Keputusan ini dibuat demi mengurangkan bebanan ke atas pengusaha-pengusaha bas dan seterusnya membolehkan mereka meningkatkan mutu perkhidmatan bas sebagai salah satu sistem pengangkutan awam kepada rakyat.

Sayangi Malaysiaku!

Lim Guan Eng
Menteri Kewangan
Kementerian Kewangan Malaysia
Putrajaya
31 Oktober 2018